

10/09/1999

MCA yakin rampas kerusi DUN Triang

KUANTAN, Khamis - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yakin Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang cerah merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Triang daripada DAP pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, ini kerana parti komponen BN sedang membuat persiapan rapi untuk menghadapi cabaran parti pembangkang itu.

"Kami mengakui wakil rakyat DAP di situ seorang yang peramah tetapi sejauh mana beliau boleh buat dengan sikap peramahnyanya. Rakyat mahu faedah, bukan saja peramah.

"Parti seperti DAP tidak boleh memberi sebarang faedah kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas melawat kemajuan projek pembesaran Pelabuhan Kuantan dekat sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan, berkata rakyat Triang sebenarnya memerlukan wakil rakyat BN yang boleh membawa pelbagai pembangunan untuk mereka.

Ketika melawat Pahang selama dua hari mulai Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BN mampu memenangi semua 11 kerusi Parlimen dan 38 kerusi DUN di Pahang pada pilihan raya umum akan datang.

Pada pilihan raya umum 1995, BN menang semua 11 kerusi Parlimen dan 37 daripada 38 kerusi DUN manakala DAP menewaskan calon MCA di Triang.

Mengenai calon MCA di Pahang, Ling membayangkan mereka akan dikekalkan untuk pilihan raya umum ini.

"Walaupun sesetengahnya baru sepenggal menjadi wakil rakyat, mereka bekerja keras. Ramai memberitahu bahawa saya memilih calon yang tepat dalam pilihan raya umum lalu," katanya.

(END)